

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda peraturan SOSCO untuk membolehkan pekerja yang mempunyai jaminan insurans tersebut boleh mendapat perlindungan untuk rawatan awal penyakit kanser, bukan sahaja perlu tunggu sehingga tahap IV.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, tuntutan faedah PERKESO bagi mereka yang menghadapi **penyakit kanser tanpa mengira tahap** boleh dibuat di bawah Skim Keilatan. PERKESO akan merujuk setiap permohonan Pencen Ilat Orang Berinsurans ke Jemaah Doktor / Jemaah Doktor Rayuan untuk **pengesahan keilatan**.

2. Rawatan bagi penyakit kanser disediakan sebagai **suatu faedah perubatan** jika disahkan **sebagai penyakit khidmat** sepertimana ditafsirkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

3. Berhubung cadangan YB Kuching untuk meminda peraturan PERKESO bagi membolehkan pekerja mendapat rawatan awal penyakit kanser, Kementerian mengambil maklum dan akan membuat penelitian lanjut seperti yang disarankan. Pada masa ini Kementerian menerusi PERKESO sedang membuat kajian menyeluruh untuk membuat penambahbaikan terhadap Akta 4 sedia ada termasuk perluasan liputan dan faedah kepada Orang berinsurans.

Sekian, terima kasih.